

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(III)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

6. Adakah Projek *Penang South Reclamation* (PSR) yang akan dijalankan pada tahun ini memberi kesan kepada nelayan-nelayan dari Sri Jerejak?

(a) Jika ya, apakah langkah-langkah pampasan akan diberikan?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Unit-unit Nelayan yang terlibat dengan pembangunan *Penang South Reclamation* (PSR) termasuk unit nelayan Sri Jerejak akan diberi perhatian sepanjang pelaksanaan projek melalui Pelan Pengurusan Impak Sosial (*Social Impact Management Plan*) (SIMP) yang akan memanfaatkan nelayan dan masyarakat setempat yang terbabit.

(a) SIMP akan merangkumi beberapa langkah yang boleh membantu golongan nelayan semasa peringkat pelaksanaan projek. Antaranya adalah pembayaran ex-gratia, peluang pekerjaan baru dan latihan, pembinaan jeti nelayan baru yang mempunyai kemudahan seperti bilik stor, tempat penyelenggaraan bot dan lain-lain.

Buat masa ini, SIMP masih dalam peringkat perbincangan dan kajian mendalam oleh Jawatankuasa *Taskforce* Nelayan. Kerajaan Negeri akan mengumumkan langkah-langkah di bawah SIMP ini dalam masa terdekat setelah keputusan dimuktamadkan. Walaupun perbincangan masih berlangsung, Kerajaan Negeri telahpun mengambil inisiatif seperti menubuhkan Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) di

Permatang Damar Laut dan Gertak Sanggul yang masing-masing telah beroperasi sejak 3 Mei 2016 dan 3 Mac 2017.

Kedua-dua PPSN ini berfungsi sebagai satu platform perantara yang menghubungkan Kerajaan Negeri dan nelayan, terutamanya dalam isu-isu kepentingan komuniti tersebut dan sebagai platform untuk menyebarkan maklumat tepat mengenai projek PSR. Selain SIMP, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan *ecology offset* program seperti penanaman bakau, tukun tiruan, *eco-shoreline* untuk kawasan pinggir laut PSR, pelepasan benih ikan dan sebagainya bagi mengurangkan impak projek PSR terhadap ekologi laut.